



KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)

Tingkat 4 - 6, 10, 11, 15 - 18, Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu, Sabah.

Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541
Laman Web: www.sabah.gov.my/mlgh



Rujukan: KKT&P:100-4/22/(23)

PEKELILING PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BIL. 2/2022

PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PELANTIKAN KE DALAM PERKHIDMATAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN TERMASUK PELANTIKAN SECARA TUKAR LANTIK /
PENYERAPAN PEGAWAI BERTARAF SEMENTARA / KONTRAK DAN YANG
MEMPUNYAI PENGALAMAN RELEVAN

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menyediakan panduan Penetapan Gaji Permulaan bagi pegawai-pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Sabah yang dilantik melalui kaedah berikut:-
 - 1.1.1 Sedang berkhidmat secara sementara atau tetap ditawarkan jawatan dalam skim perkhidmatan yang sama atau berlainan sama ada secara sementara atau tetap;
 - 1.1.2 Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan dilantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan lain;
 - 1.1.3 Sedang berkhidmat secara sementara diserapkan ke jawatan tetap;
 - 1.1.4 Pernah berkhidmat secara kontrak di sektor Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Sabah dilantik ke jawatan baharu dalam mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan di Sabah; dan
 - 1.1.5 Pernah berkhidmat secara kontrak atau mempunyai pengalaman relevan di Sektor Swasta / Badan Berkanun / Perkhidmatan Awam Negeri / Perkhidmatan Awam Persekutuan / Pihak Berkuasa Tempatan luar negeri Sabah yang dilantik ke dalam perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Sabah.
- 1.2 Peraturan penetapan gaji ini adalah **tidak terpakai** bagi pegawai yang sedang berkhidmat secara Pekerja Sambilan Harian (PSH).

“SABAH MAJU JAYA”

2. LATAR BELAKANG

Selaras dengan pelaksanaan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam dan penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) di Bawah Sistem Saraan Malaysia, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah bersetuju agar kaedah penetapan gaji permulaan bagi pelantikan secara tukar lantik / penyerapan ke jawatan tetap / kontrak dan juga mempunyai pengalaman yang sesuai ke dalam perkhidmatan PBT ditetapkan berpandukan kepada Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM), Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 7/2016.

3. PRINSIP PENETAPAN GAJI

- 3.1 Pegawai yang sedang berkhidmat secara **sementara** atau **tetap belum disahkan** dalam perkhidmatan **ditawarkan jawatan** dalam Skim Perkhidmatan yang sama atau berlainan secara sementara atau tetap akan ditawarkan gaji berikut:-
 - 3.1.1 Gaji minimum di jawatan baharu sekiranya gaji akhir dalam jawatan terdahulu lebih rendah daripada gaji permulaan dalam gred jawatan baharu.
 - 3.1.2 Sekiranya gaji akhir di jawatan terdahulu adalah lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam gred jawatan baharu ditetapkan gaji seperti berikut.
 - 3.1.2.1 Pada amaun gaji akhir yang diterima di gred jawatan terdahulu sekiranya telah menerima kenaikan gaji pada tahun tersebut. (Contoh penetapan gaji seperti di **Lampiran A**); atau
 - 3.1.2.2 Diberikan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) di gred jawatan asal sekiranya pegawai belum menerima kenaikan gaji pada tahun tersebut. (Contoh penetapan gaji seperti di **Lampiran B**).
- 3.2 Pegawai yang **telah disahkan dalam perkhidmatan** dan dilantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan lain akan ditawarkan gaji minimum di jawatan baharu tertakluk pegawai telah:
 - 3.2.1 Diberi satu (1) pergerakan gaji tahunan di gred jawatan baharu sekiranya telah menerima kenaikan gaji pada tahun tersebut. (Contoh penetapan gaji seperti di **Lampiran C**); atau

- 3.2.2 Diberikan satu (1) Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) di gred jawatan asal terlebih dahulu sekiranya pegawai belum menerima kenaikan gaji pada tahun tersebut, terhadap kepada gaji maksimum jawatan terdahulu **dan** diberi satu (1) pergerakan gaji tahunan di gred jawatan baharu. (Contoh penetapan gaji seperti di **Lampiran D**)
- 3.3 Pegawai bertaraf **sementara** yang **diserap ke jawatan tetap** dalam skim perkhidmatan dan agensi PBT yang sama, akan ditawarkan gaji permulaan mengikut amaun gaji akhir yang diterima sebelum diserap ke jawatan tetap. (Contoh penetapan gaji seperti di **Lampiran E**)
- 3.4 Pegawai yang pernah berkhidmat secara **kontrak** atau mempunyai **pengalaman relevan** di Sektor Pihak Berkuasa Tempatan Sabah yang dilantik ke dalam perkhidmatan mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan di Sabah boleh diberi penetapan gaji seperti berikut:-
- 3.4.1 Sekiranya gaji akhir di jawatan kontrak adalah lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam gred jawatan baharu, akan ditawarkan gaji permulaan mengikut amaun gaji akhir yang diterima sebelum dilantik ke jawatan baharu. (Contoh penetapan gaji seperti di **Lampiran F**).
- 3.4.2 Syarat pertimbangan bagi penetapan gaji berdasarkan pengalaman adalah seperti berikut:-
- 3.4.2.1 Senarai tugas terdahulu ada kaitan dengan tugas sekarang; atau
- 3.4.2.2 Pihak Berkuasa Melantik atau Pihak Berkuasa Meluluskan jawatan terdahulu adalah sama dengan Pihak Berkuasa Melantik atau Pihak Berkuasa Meluluskan bagi jawatan baharu; dan
- 3.4.2.3 Tempoh di antara tarikh akhir jawatan kontrak dengan tarikh lantikan jawatan baharu hendaklah tidak lebih satu (1) tahun. Sekiranya tempoh tersebut melebihi satu (1) tahun, maka penetapan gaji akan ditetapkan berdasarkan perenggan 3.5.
- 3.5 Pegawai yang pernah berkhidmat secara **kontrak** atau mempunyai **pengalaman relevan** di Sektor Swasta / Badan Berkanun / Perkhidmatan Awam Negeri / Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke dalam perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan boleh diberi penetapan gaji seperti berikut. (Contoh penetapan gaji seperti di **Lampiran G**).

TEMPOH PENGALAMAN RELEVAN	PERGERAKAN GAJI (KGT)
2 tahun atau lebih tetapi kurang daripada 4 tahun	Satu (1) KGT
4 tahun atau lebih tetapi kurang daripada 5 tahun	Dua (2) KGT
6 tahun atau lebih tetapi kurang daripada 8 tahun	Tiga (3) KGT
8 tahun atau lebih tetapi kurang daripada 10 tahun	Empat (4) KGT
10 tahun atau lebih tetapi kurang daripada 12 tahun	Lima (5) KGT
12 tahun atau lebih	Enam (6) KGT

Jadual 1: Penetapan Gaji Mengikut Tempoh Pengalaman Relevan

3.5.1 Syarat pertimbangan bagi penetapan gaji berdasarkan pengalaman adalah seperti berikut:-

3.5.1.1 Sebab berhenti kerja tidak ada unsur tindakan tatatertib;

3.5.1.2 Senarai tugas terdahulu ada kaitan dengan tugas sekarang;

3.5.1.3 Permohonan hendaklah dibuat melalui ketua jabatan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pelantikan; dan

3.5.1.4 Pegawai yang terlibat akan menerima pergerakan gaji secara isyarat sahaja mulai tarikh kuat kuasa penetapan gaji permulaan.

4. TARIKH PERGERAKAN GAJI

Tarikh pergerakan gaji bagi penyerapan ke jawatan tetap di perenggan 3.3 dan pegawai yang layak berdasarkan perenggan 3.5 adalah dikekalkan manakala bagi pelantikan di perenggan 3.1, 3.2 dan 3.4 tarikh pergerakan gaji ditetapkan mengikut tarikh melapor diri bertugas.

5. PEMAKAIAN

5.1 Pekeliling ini hendaklah terpakai kepada semua Majlis Perbandaran, Lembaga Bandaran dan Majlis Daerah di seluruh Sabah.

5.2 Tertakluk kepada penerimaan pakai, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini juga pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

6. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh pekeliiling ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK JAMILI NAIS, PhD)

Setiausaha Tetap

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

KOTA KINABALU.

Tarikh : **01 AUG 2022**

Diedarkan kepada : Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Presiden Majlis Perbandaran Sandakan
Presiden Majlis Perbandaran Tawau
Pegawai Eksekutif Lembaga Bandaran Kudat
Semua Pegawai Eksekutif Majlis

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN
BELUM SAH JAWATAN DAN SUDAH MENERIMA PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

Gred Jawatan Hakiki : H11
 Gred Jawatan Baharu : N29
 Tarikh Kuat kuasa lantikan N29 : 01 November 2021
 KGT H11 : RM 80.00
 KGT N29 : RM145.00
 Gaji Permulaan N29 : RM1,493.00
 Tarikh PGT asal : Julai
 Tarikh PGT baharu : Oktober

TARIKH	GREED H11 (RM)	GREED N29 (RM)	CATATAN
31.10.2021	RM1,638.00		Gaji akhir diterima di gred jawatan hakiki
01.11.2021		RM1,638.00	Penetapan gaji gred jawatan baharu. TPG pegawai berubah kepada 1 Oktober.
01.10.2022		RM1,783.00 (RM1,638.00 + RM145)	Diberi KGT mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

TPG Tarikh Pergerakan gaji
 PPSM Panel Pembangunan Sumber Manusia
 KGT Kenaikan Gaji Tahunan

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN
BELUM SAH JAWATAN DAN BELUM MENERIMA PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

Gred Jawatan Hakiki : H11
 Gred Jawatan Baharu : N29
 Tarikh Kuat kuasa lantikan N29 : 01 Mei 2021
 Tarikh Penyiaran lantikan N29 : 01 Mei 2021
 KGT H11 : RM 80.00
 KGT N29 : RM145.00
 Gaji Permulaan N29 : RM1,493.00
 Tarikh PGT asal : Julai
 Tarikh PGT baharu : April

TARIKH	GREED H11 (RM)	GREED N29 (RM)	CATATAN
30.04.2021	RM1,538.00		Gaji akhir diterima di gred jawatan hakiki
01.05.2021	RM1,638.00 (RM1,538.00 + RM100)		Diberi KGT awal mengikut PP PBT Bil.2/2022
01.05.2021		RM1,638.00	Penetapan gaji gred jawatan baharu. TPG pegawai berubah kepada 1 April.
01.04.2021		RM1,783.00 (RM1,638.00 + RM145)	Diberi KGT mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

TPG Tarikh Pergerakan gaji
 PPSM Panel Pembangunan Sumber Manusia
 KGT Kenaikan Gaji Tahunan

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN YANG TELAH DISAHKAN JAWATAN DAN SUDAH MENERIMA PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Jawatan dan Gred Lantikan Terdahulu : **Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19**
 Tarikh Lantikan : **15.03.2010**
 Tarikh Pengesahan jawatan N19 : **15.03.2011**
 Tarikh PGT asal : **01 Januari**
 Kadar KGT Jawatan Terdahulu (N19) : **RM100.00**
 Gaji Akhir : **RM1,648.43**
 Jawatan dan Gred Lantikan Baharu : **Penolong Jurutera JA29**
 Tarikh Lantikan Jawatan Baharu : **15.04.2020**
 Gaji Permulaan JA29 : **RM1,860.00**

TARIKH	GREDE N19 (RM)	GREDE JA29 (RM)	CATATAN
14.04.2020	RM1,648.43		Gaji akhir diterima di gred jawatan hakiki.
15.04.2020		RM1,860.00 (RM1,648.43 + RM145 = <u>RM1,793.43</u>)	Penetapan gaji gred jawatan baharu. Gaji permulaan ditetapkan sebanyak RM1,860.00 kerana jumlah pengiraan jawatan baharu lebih rendah daripada gaji minimum jawatan JA29. TPG pegawai berubah kepada 1 April.
01.04.2021		RM2,005.00	Diberi KGT mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

TPG Tarikh Pergerakan gaji
 PPSM Panel Pembangunan Sumber Manusia
 () Gaji secara isyarat digred jawatan hakiki
 KGT Kenaikan Gaji Tahunan

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PERTUKARAN PELANTIKAN YANG
TELAH DISAHKAN JAWATAN DAN BELUM DAPAT PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

Jawatan dan Gred Lantikan Terdahulu : **Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19**
 Tarikh Lantikan : **02.04.2012**
 Tarikh Pengesahan jawatan N19 : **02.04.2013**
 Tarikh PGT asal : **01 April**
 Kadar KGT Jawatan Terdahulu (N19) : **RM100.00**
 Gaji Akhir : **RM1,805.57**
 Jawatan dan Gred Lantikan Baharu : **Penolong Pegawai Penguatkuasa KP29**
 Tarikh Lantikan Jawatan Baharu : **15.02.2020**
 Gaji Permulaan JA29 : **RM1,493.00**

TARIKH	GREED N19 (RM)	GREED KP29 (RM)	CATATAN
14.02.2020	RM1,805.57		Gaji akhir diterima di gred jawatan hakiki.
15.02.2020	RM1,905.57 (RM1,805.57 + RM100)		Diberi KGT awal mengikut Pekeliling Perkhidmatan PBT Bil.2/2022
15.02.2020		RM2,050.57 (RM1,905.57 + RM145)	Penetapan gaji gred jawatan baharu. Gaji permulaan ditetapkan sebanyak RM2,050.57 kerana jumlah pengiraan jawatan baharu berada dalam lingkungan JGMM bagi Gred KP29. TPG pegawai berubah kepada 1 Januari.
01.01.2021		RM2,195.57	Diberi KGT mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

TPG Tarikh Pergerakan gaji
 PPSM Panel Pembangunan Sumber Manusia
 KGT Kenaikan Gaji Tahunan

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PEGAWAI
SEMENTARA DISERAP KE JAWATAN TETAP**

Gred Jawatan Sementara : H11
 Gred Jawatan Tetap : H11
 Tarikh Kuat kuasa lantikan : 01 Mei 2021
 KGT H11 : RM80.00
 Gaji Permulaan H11 : RM1,218.00
 Tarikh TPG asal : Julai
 Tarikh TPG baharu : Julai

TARIKH	GREED H11 (Sementara) (RM)	GREED H11 (Tetap) (RM)	CATATAN
30.04.2021	RM1,378.00		Gaji akhir diterima di gred H11 secara sementara.
01.05.2021		RM1,378.00	Penetapan gaji gred jawatan H11 secara Tetap. TPG pegawai kekal pada 1 Julai.
01.07.2021		RM1,458.00	Diberi KGT mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

TPG Tarikh Pergerakan gaji
 PPSM Panel Pembangunan Sumber Manusia
 KGT Kenaikan Gaji Tahunan

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PEGAWAI KONTRAK ATAU
MEMPUNYAI PENGALAMAN RELEVAN DI SEKTOR PBT SABAH DAN DILANTIK KE
DALAM PERKHIDMATAN MANA-MANA PBT DI SABAH**

JAWATAN BAHARU

Gred Jawatan Baharu : KP29
 Tarikh Kuat kuasa lantikan N29 : 01 Januari 2022
 Pihak berkuasa melantik : Majlis Daerah Kuala Penyu
 Tempat bertugas : Majlis Daerah Kuala Penyu
 Gaji Permulaan KP29 : RM1,493.00

REKOD PENGALAMAN KERJA

Gred Jawatan Hakiki (Kontrak) : KP29
 Taraf Lantikan : Kontrak
 Pihak berkuasa melantik : Majlis Daerah Sipitang
 Tempat bertugas : Majlis Daerah Sipitang
 Tempoh kontrak : 01.01.2011 hingga 31.12.2021 (10 tahun)
 Gaji pokok terakhir : RM2,956.00

TARIKH	GREED KP29 (RM) (KONTRAK)	GREED KP29 (RM) (TETAP)	CATATAN
31.12.2021	RM2,956.00		Gaji akhir diterima di gred jawatan kontrak.
01.01.2022		RM2,956.00	Penetapan gaji gred jawatan baharu. TPG pegawai adalah 1 Januari.
01.01.2023		RM3,101.00	Diberi KGT mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

TPG Tarikh Pergerakan gaji
 PPSM Panel Pembangunan Sumber Manusia
 KGT Kenaikan Gaji Tahunan

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI PEGAWAI KONTRAK ATAU
MEMPUNYAI PENGALAMAN RELEVAN DI SEKTOR SWASTA DAN DILANTIK KE DALAM
PERKHIDMATAN MANA-MANA PBT DI SABAH**

JAWATAN BAHARU

Gred Jawatan Baharu : **J29**
 Tarikh Kuat kuasa lantikan N29 : **01 Januari 2022**
 Pihak berkuasa melantik : **Majlis Daerah Kuala Penyu**
 Tempat bertugas : **Majlis Daerah Kuala Penyu**
 Gaji Permulaan J29 : **RM1,860.00**
 KGT : **RM145.00**

REKOD PENGALAMAN KERJA

Gred Jawatan Kontrak : **J29**
 Tempat bertugas : **Swasta**
 Tempoh kontrak : **01.01.2011 hingga 31.12.2021 (10 tahun)**
 Gaji pokok terakhir : **RM2,956.00**

TARIKH	GREED J29 (RM) (KONTRAK)	GREED J29 (RM) (TETAP)	CATATAN
31.12.2021	RM2,956.00		Gaji akhir diterima di gred jawatan kontrak.
01.01.2022		RM2,585.00 [RM1,860.00 + RM725.00 (5 KGT)]	Penetapan gaji gred jawatan baharu. 5 Pergerakan gaji diberi dengan mengambilkira pengalaman 10 tahun di sektor swasta. TPG pegawai adalah 1 Januari.

Catatan:

TPG Tarikh Pergerakan gaji
 PPSM Panel Pembangunan Sumber Manusia
 KGT Kenaikan Gaji Tahunan